

# **MODUL BAHASA MELAYU SBT 2007**

## **1. MATLAMAT MODUL**

- 1.1 Dapat membantu guru-guru dalam proses P&P murid-murid GALUS agar lulus dalam UPSR.
- 1.2 Untuk meningkatkan prestasi pencapaian murid-murid SBT dalam UPSR.

## **2. OBJEKTIF GURU**

Sebagai panduan untuk melaksanakan proses P&P secara berfokus untuk keberkesanan program.

## **3. OBJEKTIF MURID**

- 3.1 Murid dapat belajar menggunakan modul SBT secara berfokus dalam konteks mesra calon.
- 3.2 Murid-murid boleh menguasai bidang tatabahasa dengan baik seterusnya lulus subjek Bahasa Melayu Pemahaman dan Penulisan UPSR.

## **4. SASARAN**

Modul disediakan untuk penggunaan murid SBT Tahun Empat, Lima dan Enam.

## **5. KANDUNGAN**

Modul ini berbentuk latih tubi berfokus dan terbahagi kepada dua iaitu :

- a. Pemahaman
- b. Penulisan

5.1 Modul pemahaman mengandungi 24 bidang tatabahasa.

- 6.1.1 Imbuhan
- 6.1.2 Kata Arah
- 6.1.3 Kata Sendi
- 6.1.4 Sinonim ( Perkataan Seerti )
- 6.1.5 Antonim ( Perkataan Berlawan )
- 6.1.6 Kata Hubung
- 6.1.7 Kata Adjektif
- 6.1.8 Peribahasa
- 6.1.9 Kata Ganda
- 6.1.10 Kata Kerja
- 6.1.11 Penjodoh Bilangan
- 6.1.12 Kata Keterangan
- 6.1.13 Kata Tanya
- 6.1.14 Memilih Jawapan

- 6.1.15 Ayat Sama Maksud
- 6.1.16 Penanda Wacana
- 6.1.17 Imbuhan Pinjaman
- 6.1.18 Jenis-jenis Ayat
- 6.1.19 Kata Majmuk
- 6.1.20 Polisemi ( Kata Banyak Makna )
- 6.1.21 Kata Bantu

- 6.2 Modul Petikan
  - 6.2.1 Berita
  - 6.2.2 Laporan
  - 6.2.3 Syarahan
  - 6.2.4 Fakta
  - 6.2.5 Catatan
  - 6.2.6 Dialog
  - 6.2.7 Surat Kiriman Tidak Rasmi
  - 6.2.8 Surat Kiriman Rasmi
  - 6.2.9 Ucapan
  - 6.2.10 Puisi
  - 6.2.11 Jadual
  - 6.2.12 Cerita

6.3 Modul Penulisan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu :

**Bahagian A**

Memindahkan maklumat bahan grafik/ rangsangan dalam bentuk ayat lengkap  
( 12 set )

**Bahagian B**

Menulis karangan lengkap ( 10 set )

**Bahagian C**


Membuat ulasan nilai / pengajaran

### **6.1.1 Imbuhan**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh tiga pilihan jawapan iaitu **A**, **B** dan **C**. Antaranya, ada satu jawapan sahaja yang betul. Pilih jawapan itu. Kemudian, tandakan jawapan kamu dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.

- Fatimah mengalami keracunan makanan akibat makanan yang tidak \_\_\_\_\_
- 1 dengan sempurna.
- A** memasak
  - B** dimasak
  - C** termasak
- 2 Lilian telah menerima \_\_\_\_\_ sepupunya dari Australia.
- A** kunjungan
  - B** dikunjungi
  - C** berkunjung

Soalan 3 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

- 3 Setiap hari pekerja-pekerja itu \_\_\_\_\_ semasa menaiki bas untuk ke tempat kerja.
- A** barisan
  - B** berbaris
  - C** ditarik
- 4 Sejak ditukarkan ke pedalaman, Encik Sarji sering \_\_\_\_\_ isterinya di kota.
- A** diingatkan
  - B** teringatkan
  - C** mengingati

5 Ibu mengangkat pakaian yang \_\_\_\_\_ diampaian kerana hari hendak hujan.

- A bersidai
- B penyidai
- C tersidai

Soalan 6 dan 7 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

6 Kelihatan kanak-kanak \_\_\_\_\_ di taman permainan dengan wajah yang ceria.

- A memainkan
- B dimainkan
- C bermain

7 Seorang budak lelaki sedang \_\_\_\_\_ di atas papan gelungsor sambil \_\_\_\_\_ oleh rakannya.

- A meluncur ... diikuti
- B diluncurkan ... mengikuti
- C berluncuran ... mengikuti


8 Adik menangis apabila kakinya tersepit pada \_\_\_\_\_ basikal.

- A sesiku
- B jejari
- C kekuda

**9** \_\_\_\_\_ gugur di halaman rumah selepas angin bertiup.

- A** kekisi
- B** lelayang
- C** dedaun

Soalan 10 berdasarkan Gambar 3




Gambar 3

**10** Zafirah \_\_\_\_\_ apabila bahunya di\_\_\_\_\_ kuat oleh Nadia.

- A** mengejut ... ditepuk
- B** terkejut ... menepuk
- C** terkejut ... ditepuk

### **6.1.2 Kata Arah**

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1.



Gambar 1

- 1 Ibu menyimpan sekotak baju-baju lama di \_\_\_\_\_ katil kakak.

  - A sisi
  - B bawah
  - C tepi
  
- 2 Pokok yang tumbang ke \_\_\_\_\_ jalan raya menyebabkan kesesakan lalu lintas.

  - A atas
  - B tepi
  - C luar

Soalan 3 berdasarkan Gambar 2.



Gambar 2


- 3 Puan Lim sedang memilih sayur-sayuran yang terdapat di \_\_\_\_\_ meja itu.

  - A atas
  - B penjuru
  - C depan

4 Kelantan yang terkenal dengan gelaran negeri Cik Siti Wan Kembang itu terletak di pantai \_\_\_\_\_ Semenanjung Malaysia.

- A utara
- B timur
- C barat

Soalan 5 berdasarkan Gambar 3.



Gambar 3

5 Di \_\_\_\_\_ kotak itu terdapat sebiji bola.

- A dalam
- B tengah
- C sisi

Soalan 6 berdasarkan Gambar 4.



Gambar 4


6 Lelaki bertopi yang berdiri di \_\_\_\_\_ itu tidak sabar menunggu gilirannya.

- A belakang
- B tengah
- C hadapan

7 Nek Su memerhati ke \_\_\_\_\_ tingkap dengan sugul kerana hujan turun tidak berhenti-henti.

- A dalam
- B luar
- C atas

Soalan 8 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

8 Setelah diberkas, tangan penjahat itu digari ke \_\_\_\_\_

- A sisi
- B hadapan
- C belakang

9 Cikgu Rahim menyuruh Siva memasukkan bola ke \_\_\_\_\_ stor sukan.

- A atas
- B tepi
- C dalam

Soalan 10 berdasarkan Gambar 6



Gambar 6


10 Emak menyapu dedaun yang gugur di \_\_\_\_\_ rumah.

- A belakang
- B tepi
- C hadapan

### **6.1.3 Sendi Nama**

- 1 Penceramah motivasi itu sedang menyampaikan ceramah \_\_\_\_\_ cara belajar yang betul.
- A tentang  
B seperti  
C dengan
- 2 Baju kurung adik diperbuat \_\_\_\_\_ kain sutera.
- A dari  
B daripada  
C oleh
- 3 Perjalanan \_\_\_\_\_ Tapah \_\_\_\_\_ Teluk Intan mengambil masa kira-kira satu jam.
- A dari..... pada  
B daripada ..... ke  
C dari ..... ke
- 4 Kasih sayang Puan Aida \_\_\_\_\_ anaknya tidak pernah padam.
- A pada  
B terhadap  
C akan

Soalan 5 dan 6 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

- 5 Diana hendak mengirim sekeping poskad \_\_\_\_\_ kawannya yang berada di Kedah.
- A kepada  
B oleh  
C pada

- 6 Dia melekatkan setem \_\_\_\_\_ poskad yang cantik itu \_\_\_\_ menggunakan gam.
- A di ... dengan  
B pada ... dengan  
C ke ... seperti
- 7 Sambutan Hari Kemerdekaan di Stadium Indera Mulia berlarutan \_\_\_\_\_ ke tengah malam
- A terhadap  
B demi  
C hingga
- 8 Emak Nabilah rindu \_\_\_\_\_ anaknya yang sedang belajar di Mesir.
- A akan  
B terhadap  
C dengan
- 9 \_\_\_\_\_ waktu malam di kampung datuk , kedengaran cengkerik bersahut-sahutan.
- A Pada  
B Untuk  
C Di

Soalan 10 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

- 10 Kakak tersenyum riang apabila bakal mertuanya menyarungkan cincin pertunangan \_\_\_\_\_ jari manisnya.
- A pada  
B ke  
C demi


#### **6.1.4 Sinonim**

1. Para remaja yang **terjerumus** dalam gejala sosial akan di beri kaunseling.
  - A terjebak
  - B tersungkur
  - C terjatuh
2. Walaupun baru berumur dua tahun , adik Sara **petah** bercakap.
  - A lancar
  - B laju
  - C fasih
3. Majalah baharu terbitan syarikat itu sangat **laris** di pasaran.
  - A untung
  - B cepat
  - C laku
4. Budak-budak nakal **melontar** batu ke arah anjing itu.
  - A membaling
  - B melambung
  - C menyambut
5. " Siapakah yang banyak memberi **dorongan** kepada adik ? " tanya pemberita itu kepada olahragawan sekolah.
  - A panduan
  - B nasihat
  - C galakan
6. Kezaliman baginda menyebabkan rakyat jelata hidup **sengsara**.
  - A sukar
  - B susah
  - C merana

7. Daging itu **dimamah** oleh Iskandar sebelum ditelannya.
- A digit
  - B digerit
  - C dikunyah
- 8 Pasukan Sekolah Kebangsaan Seri Bahagia telah **menggondol** pingat emas dalam perlawanan bola baling itu.
- A mencapai
  - B merangkul
  - C Mengambil
9. Mayat budak yang terlibat dalam kebakaran itu dijumpai telah **rentung**.
- A hangus
  - B lebam
  - C kejang
10. Peragawati itu **menggayakan** fesyen yang terbaru .
- A menunjukkan
  - B memperagakan
  - C memperkenalkan.

### **6.1.5 Antonim**

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1




Gambar 1

- Ibu menyuruh adik **menghamparkan** permaidani yang baru dibeli itu di ruang tamu.
1. membentang
  - A membelat
  - B melipat
  - C menggulung
2. Sejak datuk dimasukkan ke hospital, penyakitnya semakin **sembuh**.
- A sakit
  - B tenat
  - C parah
3. Mereka **menyorong** kotak itu ke tepi bilik.
- A mengangkat
  - B menarik
  - C menolak
4. Semua ahli Persatuan Matematik **menyokong** usul yang dibawa dalam mesyuarat itu.
- A menolak
  - B membidas
  - C membantah
5. Selepas kematian bapa mereka, hubungan antara Suresh dan Kishan agak **renggang**.
- A akrab
  - B dekat
  - C mesra

6. Air laut di Teluk Sisik **pasang** pada waktu petang.
- A naik
  - B cetek
  - C surut
7. Ayah **mengepit** surat khabar sewaktu pulang dari pejabat.
- A melepas
  - B membuang
  - C mengelek
8. Rambut kawan saya menjadi **kemas** setelah didandan.
- A kusut
  - B ikal
  - C bersih

Soalan 9 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

9. Kedua-dua budak itu **akur** akan nasihat Encik Rahman agar tidak bermain di tepi jalan raya.
- A patuh
  - B ingkar
  - C rela
10. Bunga-bunga itu kelihatan **layu** pada waktu petang.
- A kuyu
  - B segar
  - C sihat

### **6.1.6 Kata Hubung**

- 1 Ayah dan abang menonton televisyen \_\_\_\_\_ berbual-bual.  
A atau  
B sambil  
C malah
- 2 Hanya Zaid \_\_\_\_\_ Maniam yang ingin menyertai rombongan itu.  
A dan  
B lalu  
C namun
- 3 \_\_\_\_\_ tiba di kaki bukit itu kami segera mendirikan khemah.  
A Makin  
B Sungguhpun  
C Apabila
- 4 Ibu sering berdoa \_\_\_\_\_ kami hidup bahagia sepanjang masa.  
A tetapi  
B jika  
C agar
- 5 Hari hujan \_\_\_\_\_ Ifah ke sekolah juga dengan memakai payung.  
A namun  
B atau  
C dan
- 6 Harban bercita-cita tinggi \_\_\_\_\_ malas belajar.  
A kerana  
B tetapi  
C semenjak
- 7 Doktor menyuruh Siti makan ubat yang diberikan \_\_\_\_\_ cepat sembuh.  
A bila  
B supaya  
C sambil
- 8 Kamu suka minum teh \_\_\_\_\_ kopi ?  
A atau  
B kerana  
C sementara
- 9 \_\_\_\_\_ telah diberi amaran, dia masih ponteng kelas lagi.  
A Manakala  
B Selagi  
C Walaupun
- 10 Mereka lewat tiba \_\_\_\_\_ bas sekolah rosak.

- A kerana
- B sementara
- C ataupun

#### **6.1.7 Kata Adjektif**

- 1 Suara juruhebah itu kurang \_\_\_\_\_.
  - A jelas
  - B gopoh
  - C kasar
  
- 2 Bakul ini \_\_\_\_\_ sungguh buatannya.
  - A lembut
  - B keras
  - C halus
  
- 3 Orang tua itu berjalan \_\_\_\_\_ sungguh.
  - A licin
  - B lembut
  - C lambat
  
- 4 Bola adik berwarna \_\_\_\_\_.
  - A biru
  - B bulat
  - C besar

- 5 Mi goreng itu terlalu \_\_\_\_\_ kerana terlebih cili.  
A masin  
B manis  
C pedas
- 6 Azizi tidur \_\_\_\_\_ kerana keletihan.  
A penat  
B Leka  
C lena
- 7 Pak Amran menggunakan buluh yang \_\_\_\_\_ untuk mengait buah kelapa.  
A panjang  
B lebar  
C sempit
- 8 Baju adik \_\_\_\_\_ terkena lumpur  
A Putih  
B Kotor  
C Bersih
- 9 Bau bunga mawar sungguh \_\_\_\_\_.  
A Harum  
B Merah  
C Enak
- 10 Bola ragbi dan telur ayam biasanya berbentuk \_\_\_\_\_.  
A Bujur  
B Bulat  
C Panjang

#### **6.1.8 Peribahasa**

- 1 “ Seperti anjing dengan kucing ” bermaksud  
A Orang yang selalu bergaduh antara satu sama lain  
B Orang yang dibenci oleh masyarakat  
C Orang yang berasal dari keturunan baik-baik
- 2 Segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan oleh ibu bapanya bagai

- \_\_\_\_\_ kerana dia tidak ambil pusing.
- A tiada rotan akar pun berguna  
B mencurah air ke daun keladi  
C melepaskan anjing tersebut
- 3 Berkat kerajinan dan usaha gigihnya, dia berjaya mendapat keputusan cemerlang. Bak kata pepatah \_\_\_\_\_.  
A belakang parang diasah lagikan tajam  
B sikit-sikit, lama-lama jadi bukit  
C bagai anjing menyalak bukit
- 4 Kita mesti banyak membaca untuk meluaskan pengetahuan. Jangan jadi seperti \_\_\_\_\_.  
A aur dengan tebing  
B katak di bawah tempurung  
C pahat dengan penukul
- 5 Arini bertungkus-lumus menyiapkan kerja itu tetapi Dila yang dipuji seperti \_\_\_\_\_.  
A tikus membaiki labu  
B lembu punya susu, sapi dapat nama  
C menatang minyak yang penuh
- 6 Lina selalu meluahkan \_\_\_\_\_ nya kepada ibunya.  
A isi hati  
B iri hati  
C putih hati
- 7 Jangan kamu mempercayai kata-katanya kerana dia \_\_\_\_\_.  
A buruk siku  
B lidah bercabang  
C jinak-jinak merpati
- 8 Encik Ramli bercadang untuk mengadakan majlis perkahwinan anaknya di \_\_\_\_\_.  
A balai polis  
B pasar raya  
C balai raya
- 9 Tulisan Ali tidak dapat dibaca kerana seperti \_\_\_\_\_.  
A kaki bangku  
B cakar ayam  
C alas perut
- 10 Berita itu hanya \_\_\_\_\_ sahaja jadi kita tidak boleh mempercayainya.  
A kaki ayam  
B batu api

C khabar angin

### **6.1.9 Kata Ganda**

- 1 Puan Sharifah membeli \_\_\_\_\_ di pasar raya yang baru dibuka itu.  
A anak-pinak  
B sayur-mayur  
C sampah-sarap

2 Mak Minah menyapu \_\_\_\_\_ kering untuk dibakar.  
A bebiri  
B dedaun  
C kekabu

3 Lengan adik saya \_\_\_\_\_ dicakar kucing.  
A patah-riuk  
B herot-berot  
C calar-balar

4 Badannya \_\_\_\_\_ kerana digigit pepijat.  
A kudis-kudis  
B miang-miang  
C gatal-gatal

5 Arifah suka makan \_\_\_\_\_ ikan.  
A bebola  
B lelangit  
C kekabu

6 Keadaan di dalam Gua Gendang itu \_\_\_\_\_.  
A huru-hara  
B gelap-gelita  
C hangar-bingar

7 Abang suka makan \_\_\_\_\_ yang berwarna merah.  
A agar-agar  
B bunga-bunga  
C gado-gado

8 \_\_\_\_\_ yang ibu beli diperbuat daripada emas.  
A anting-anting  
B anai-anai

- C semut-semut
- 9 Bandar Taiping kelihatan \_\_\_\_\_ dari puncak Bukit Larut.  
A samar-samar  
B rapat-rapat  
C sayup-sayup
- 10 Puan Maimun \_\_\_\_\_ pakaian yang hendak dibelinya di pasar raya itu.  
A melihat-lihat  
B membelek-belek  
C mengkaji-kaji

#### **6.1.10 Kata Kerja**

- 1 Ahmad \_\_\_\_\_ basikalnya laju-laju supaya cepat sampai ke rumah.  
A mengayuh  
B membongeng  
C memandu
- 2 Kakak sedang \_\_\_\_\_ pokok-pokok bunga di taman.  
A menyimbah  
B menyiram  
C meragut
- 3 Nenek saya pandai \_\_\_\_\_ kain songket.  
A menekat  
B menenun  
C menyulam
- 4 Puan Zamilah \_\_\_\_\_ kain sebelum menjemurnya pada ampaian.  
A memerah  
B memusing  
C menguli
- 5 Ibu \_\_\_\_\_ melihat telatah lucu adik.  
A terkejut  
B tergamam  
C tersenyum

- 6 Abu \_\_\_\_\_ bola ke arah pintu gol pasukan lawan.  
A menghayun  
B menggosok  
C menyepak
- 7 Pemandu lori itu \_\_\_\_\_ ke kiri jalan.  
A memintas  
B memusing  
C membelok
- 8 Pakaian yang baru diangkat dari ampaian itu belum \_\_\_\_\_.  
A berangkat  
B berlipat  
C berbasuh
- 9 Adik \_\_\_\_\_ susu setiap pagi supaya sentiasa sihat.  
A makan  
B minum  
C masak
- 10 Shaari \_\_\_\_\_ kerana terlalu letih.  
A tersedar  
B tertidur  
C terjaga

#### **6.1.11 Penjodoh Bilangan**

- 1 Nelayan tua itu sedang menyirat se\_\_\_\_\_ jala di tepi pantai.  
A helai  
B bidang  
C rawan
- 2 Azah membeli beberapa \_\_\_\_\_ setem di pejabat pos.  
A butir

- B keping  
C helai
- 3 Nenek menghamparkan se\_\_\_\_\_ tikar di ruang tamu.  
A keping  
B bidang  
C gelung
- 4 Beberapa \_\_\_\_\_ telur itik telah menetas semalam.  
A buah  
B kerat  
C biji
- 5 Se\_\_\_\_\_ burung sedang berkicau di dahan.  
A kelompok  
B kawan  
C pasukan
- 6 Beberapa \_\_\_\_\_ bintang berkerdipan di langit.  
A kumpulan  
B kelompok  
C ketul
- 7 Suzana baru saja menerima se\_\_\_\_\_ surat daripada kakaknya yang berada di London.  
A pucuk  
B helai  
C lembar
- 8 Emak memasukkan beberapa \_\_\_\_\_ asam gelugur ke dalam gulai yang sedang dimasaknya.  
A keping  
B biji  
C potong
- 9 Mak Lijah membeli beberapa \_\_\_\_\_ cendawan di pasar pagi.  
A ketul  
B kaki  
C kerat
- 10 Guru Besar membacakan dua \_\_\_\_\_ pantun sebelum mengakhiri ucapan perasmian dalam majlis itu  
A baris  
B rangkap  
C patah

### **6.1.12 Kata Keterangan**

1 Tong Moi ialah seorang murid yang \_\_\_\_\_ pandai di kelasnya.


- A paling
- B nian
- C belum

2 Adik \_\_\_\_\_ tidur di dalam bilik.

- A begini
- B masih
- C sangat

3 Kerja-kerja membaiki jambatan yang rosak itu \_\_\_\_\_ siap.

- A amat
- B agak
- C hampir



Gambar 1

4 Cepat \_\_\_\_\_ Ali menyelesaikan soalan matematik yang diberi oleh guru.

- A betul
- B sangat
- C mungkin

5 Ringan \_\_\_\_\_ kotak ini walaupun besar.


- A lebih
- B bukan
- C sungguh

6 Perlahan \_\_\_\_\_ perempuan itu memandu keretanya.

- A sangat
- B terlalu
- C benar

- 7 "Wah, \_\_\_\_\_ baik hati orang kaya itu!" kata Wak Dol.
- A benar  
B amat  
C betul
- 8 \_\_\_\_\_ paras air melebihi paras bahaya, semua penduduk kampung akan diarahkan berpindah.
- A sekiranya  
B sementara  
C semenjak
- 9 Rudi \_\_\_\_\_ menanam tin-tin kosong tatkala Rahim berkunjung ke rumahnya.
- A sedang  
B pernah  
C akan
- 10 Liza \_\_\_\_\_ apabila mendapat seekor ular di dalam almarinya.
- A sungguh terkejut  
B paling terkejut  
C benar terkejut

### **6.1.13 Kata Tanya**



Gambar 1

- 1 \_\_\_\_\_ harga sebungkus nasi lemak ini?
- A Bagaimanakah  
B Apakah  
C Berapakah
- 2 \_\_\_\_\_ ibu akan pulang?
- A Di manakah  
B Bilakah  
C Siapakah
- 3 \_\_\_\_\_ syarat-syarat menyertai pertandingan melukis itu?
- A Mengapakah  
B Berapakah  
C Apakah

- 4 \_\_\_\_\_ budak itu termenung di bawah pokok?
- A Mengapakah  
B Manakah  
C Bagaimanakah
- 5 \_\_\_\_\_ awak pergi ke sekolah?
- A Di manakah  
B Siapakah  
C Bagaimanakah
- 6 \_\_\_\_\_ nama guru kelas kamu?
- A Siapakah  
B Apakah  
C Bilakah
- 7 Pada pendapat kamu \_\_\_\_\_ lebih pintar, Rudi atau Bibi ?
- A mengapa  
B siapa  
C apa
- 8 Nani akan menyambut hari jadinya yang ke \_\_\_\_\_ ?
- A berapa  
B mengapa  
C bila
- 9 Usah ditanya ke \_\_\_\_\_ dia menghilang ?
- A bila  
B siapa  
C mana
- 10 Dia inginkan jawapan yang \_\_\_\_\_ ?
- A apa  
B mengapa  
C bagaimana

### **6.1.14 Memilih Jawapan**

Pilih **jawapan** yang betul bagi soalan yang diberikan.

---

- 1 Di manakah kamu membeli buku karangan itu?  
A Buku karangan ini saya beli di Kedai Buku Halim.  
B Buku karangan ini baik dan menarik.  
C Harga buku karangan ini sangat murah
  
- 2 Bilakah Aiman dilahirkan?  
A Ya, Aiman dilahirkan kembar.  
B Aiman dilahirkan pada 29 Januari 1998  
C Aiman dilahirkan di Hospital Taiping.
  
- 3 Berapakah harga kamus bergambar ini?  
A Kamus bergambar ini sangat tebal.  
B Saya selalu menggunakan kamus bergambar ini.  
C Kamus bergambar ini berharga RM25.00 sebuah.
  
- 4 Mengapakah kamu lambat datang ke sekolah?  
A Saya terlewat bangun tidur.  
B Saya akan datang ke sekolah setiap hari  
C Saya suka datang lambat ke sekolah
  
- 5 Siapakah perempuan yang cantik itu?  
A Perempuan itu memakai baju kebaya.  
B Rambut perempuan itu panjang.  
C Perempuan yang cantik itu ialah guru saya.
  
- 6 Bagaimanakah keadaan kesihatan datuk kamu di kampung?  
A Datuk saya sudah pergi ke pekan.  
B Datuk saya telah beransur sihat.  
C Datuk saya suka membantu orang kampung.
  
- 7 Mengapakah Puan Sharifah memarahi anaknya?  
A Puan Sharifah sering memarahi anaknya.  
B Pagi tadi Puan Sharifah memarahi anaknya.  
C Puan Sharifah memarahi anaknya kerana tidak mengemas rumah yang bersepeh.
  
- 8 Apakah yang sedang dilakukan oleh Sirdi dan Haziq di padang itu?  
A Mereka suka bermain layang-layang di padang pada setiap petang.  
B Mereka sedang bermain layang-layang di padang itu.  
C Mereka tidak suka bermain di padang.
  
- 9 "Mengapakah awak kelihatan muram sahaja?" tanya Dewi kepada Tina.  
A "Wang saya hilang," jawab Tina dengan sedihnya.  
B "Terima kasih, Dewi," jawab Tina dengan sedihnya.  
C "Saya rasa gembira sekarang," jawab Tina.

- 10** Benarkah Swee Chin akan bertukar ke sekolah baharu?
- A Ya, Swee Chin akan berpindah ke sekolah baharu bulan depan.  
B Ya, Swee Chin telah berpindah ke sekolah baharu itu.  
C Ya, Swee Chin telah berpindah pada minggu lepas.

#### **6.1.15 Ayat Sama Maksud**

- 1** “Saya suka menjahit baju,” kata Salmi.
- A Salmi berkata dia suka menjahit baju.  
B Salmi suka menjahit baju bersama saya.  
C Saya dan Salmi suka menjahit baju kurung.
- 2** Adik mengoyak buku latihan kakak.
- A Buku latihan adik dikoyak oleh kakak.  
B Buku latihan kakak dikoyak oleh adik.  
C Buku latihan kakak terkoyak oleh adik.
- 3** Ibu sedang menggoreng ayam di dapur.
- A Menggoreng ayam di dapur oleh ibu.  
B Ayam sedang menggoreng ibu di dapur.  
C Ayam sedang digoreng oleh ibu di dapur.
- 4** Pengemis itu meminta sedikit makanan daripada Leman.
- A “Berikanlah saya sedikit makanan,” kata pengemis itu kapada Leman.  
B “Berikanlah Leman sedikit makanan,” kata Leman kepada pengemis.  
C “Berikanlah kita sedikit makanan,” kata Leman dan pengemis.
- 5** Pak Malik hanya berkebun jika dia tidak turun ke laut.
- A Jika tidak turun ke laut, baharulah Pak Malik akan berkebun.  
B Jika tidak berkebun, baharulah Pak Malik turun ke laut.  
C Pak Malik akan berkebun sebelum turun ke laut.
- 6** “Tolong kira berapa harga semuanya?” tanya ayah kepada penjual.
- A Ayah ditanya penjual berapa harga semuanya.  
B Penjual bertanya kepada ayah berapa harga semuanya.  
C Ayah bertanya kepada penjual berapa harga semuanya.

- 7 Ayah memotong dahan pokok mangga yang ditanam oleh datuk.
- A Dahan pokok mangga itu ditanam oleh datuk lalu dipotong oleh ayah.  
B Dahan pokok mangga yang ditanam oleh ayah dipotong oleh datuk.  
C Dahan pokok mangga yang ditanam oleh datuk telah ayah potong.
- 8 Pak Wan berkhidmat sebagai tentera pada zaman British untuk menentang komunis di Tanah Melayu
- A Komunis di Tanah Melayu pernah ditentang oleh Pak Wan semasa berkhidmat sebagai tentera pada zaman British  
B Sebagai tentera pada zaman British, Pak Wan pernah menentang tentera British di Tanah Melayu.  
C Pada zaman British, komunis di Tanah Melayu menentang tentera Pak Wan ketika berkhidmat.
- 9 "Tolong unjukkan ubat yang saya beli di farmasi pagi tadi," kata Puan Arbayah kepada suaminya.
- A Puan Arbayah mengunjukkan ubat kepada suaminya yang dibelinya di farmasi.  
B Puan Arbayah meminta suaminya menghulurkan ubat yang dibelinya di farmasi.  
C Suaminya meminta Puan Arbayah mengunjukkan ubat yang dibelinya di farmasi.
- 10 Pertandingan itu akan dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu pada minggu hadapan.
- A Persatuan Bahasa Melayu akan menganjurkan pertandingan itu pada minggu hadapan.  
B Pada minggu hadapan Persatuan Bahasa Melayu akan menyertai pertandingan itu.  
C Persatuan Bahasa Melayu bertanding dalam penganjuran itu.

### **6.1.16 Penanda Wacana**

- 1 Kakak menghidangkan kuih-muih di atas meja. \_\_\_\_\_, dia pun menjemput kawan-kawannya makan kuih-muih itu.
- A Tambahan pula  
B Lebih-lebih lagi  
C Selepas itu
- 2 Pasukan polis selalu mengadakan rondaan di kawasan perumahan itu. \_\_\_\_\_, kejadian kecurian masih berlaku juga.
- A Namum begitu  
B Semenjak itu  
C Lantaran itu
- 3 Hari sukan sekolah akan diadakan pada minggu depan. \_\_\_\_\_, para peserta

yang terpilih perlu berlatih dengan gigih.

- A Lebih-lebih lagi
  - B Oleh sebab itu
  - C Justeru
- 4 Sudah banyak kali Encik Badrul mengalami kerugian dalam perniagaannya. \_\_\_\_\_, kerugian itu tidak melemahkan semangatnya untuk bermula.
- A Oleh yang demikian
  - B Walau bagaimanapun
  - C Sungguhpun begitu
- 5 Mula-mula, saya akan mengulang kaji mata pelajaran Bahasa Inggeris. \_\_\_\_\_, saya mengulang kaji mata pelajaran Bahasa Melayu pula.
- A Selepas itu
  - B Tambahan pula
  - C Selain itu
- 6 Siti Ramlah seorang penyanyi yang terkenal dan kaya raya. \_\_\_\_\_, dia sentiasa bersikap merendah diri dan bersopan-santun.
- A Sungguhpun begitu
  - B Di samping itu
  - C Walaupun begitu
- 7 Alia masih mengulang kaji pelajaran \_\_\_\_\_ hari sudah larut malam.
- A jikalau
  - B walau bagaimanapun
  - C meskipun
- 8 \_\_\_\_\_ kemiskinan hidup, keluarga Raju tinggal di pondok buruk sahaja.
- A Oleh yang demikian
  - B Lantaran
  - C Selaian itu
- 9 \_\_\_\_\_ pandai dalam pelajaran \_\_\_\_\_ aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- A Bukan saja.....tetapi
  - B Sementara itu.....tetapi
  - C Bukan saja.....maka
- 10 Halit telah gagal dalam ujian. \_\_\_\_\_ dia perlu meningkatkan usahanya.
- A Biarpun begitu
  - B Sungguhpun begitu
  - C Oleh yang demikian

### **6.1.17 IMBUHAN PINJAMAN**

1. \_\_\_\_\_ yang adil itu amat disukai oleh rakyatnya.  
**A** Mahakaya  
**B** Mahaguru  
**C** Maharaja
2. Pasukan hoki negara mendapat bimbingan daripada \_\_\_\_\_ yang berpengalaman.  
**A** jurumudi  
**B** jurulatih  
**C** jururawat
3. \_\_\_\_\_ itu sedang mengukur kawasan sempadan antara negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan.  
**A** Juruterbang  
**B** Jurugambar  
**C** Juruukur
4. Lagu asli itu didendangkan oleh \_\_\_\_\_ yang jelita itu.  
**A** biduanita  
**B** bangsawan  
**C** seniman
5. Sudah lima tahun ibu Halim menjadi \_\_\_\_\_ di hospital itu.  
**A** jururawat  
**B** jurujual  
**C** ilmuwan
6. Pelumba lari itu dipilih sebagai \_\_\_\_\_ Negara pada tahun itu.  
**A** Peragawan  
**B** Seniman  
**C** Olahragawan
7. \_\_\_\_\_ itu sedang diajarkan cara-cara mengendalikan payung terjun.  
**A** Jurumudi  
**B** Juruselam  
**C** Juruterbang
8. \_\_\_\_\_ itu akan memegang watak Dato' Majid dalam filem ini.

- A** Seniwati
  - B** Biduan
  - C** Seniman
9. Encik Ong merupakan \_\_\_\_\_ kapal yang karam itu.
- A** juruterbang
  - B** juruselam
  - C** jurumudi
10. Orang kaya yang \_\_\_\_\_ itu amat disegani oleh penduduk kampung.
- A** budiman
  - B** negarawan
  - C** hartawan

### **6.1.18 RAGAM AYAT**

1. Wah, cantiknya baju adik!  
**A** ayat perintah  
**B** ayat seruan  
**C** ayat penyata
  
2. Beg galas ini harganya berapa?  
**A** ayat tanya  
**B** ayat seruan  
**C** ayat larangan
  
3. Pengakap-pengakap itu berkhemah di tepi pantai.  
**A** ayat penyata  
**B** ayat larangan  
**C** ayat tanya
  
4. Murid-murid itu sedang bermain catur di dewan.  
**A** ayat perintah  
**B** ayat seruan  
**C** ayat penyata
  
5. Ke manakah ayam-ayam ini akan dipasarkan?  
**A** ayat tanya  
**B** ayat seruan  
**C** ayat perintah
  
6. Yee Lian, jangan pukul anak angsa itu.  
**A** ayat penyata  
**B** ayat larangan  
**C** ayat pemintaan
  
7. Buku-buku itu sudah kamu baca?  
**A** ayat seruan  
**B** ayat perintah  
**C** ayat penyata
  
8. Simpanlah makanan itu di dalam almari.  
**A** ayat silaan  
**B** ayat penyata  
**C** ayat perintah

9. Amboi, nyaman sungguh udara di sini!

  - A** ayat seruan
  - B** ayat perintah
  - C** ayat tanya
10. Komputer ini milik Encik Halim.

  - A** ayat seruan
  - B** ayat penyata
  - C** ayat permintaan

### **6.1.19 KATA MAJMUK**

1. Kulit gadis itu putih melepak manakala mukanya \_\_\_\_\_.  
**A** bujur sirih  
**B** tinggi lampai  
**C** biru muda
  
2. Penduduk kampung itu hidup dalam suasana yang \_\_\_\_\_.  
**A** gila kuasa  
**B** aman damai  
**C** ringan tulang
  
3. \_\_\_\_\_ sekolah saya ialah Encik Nor Azizi bin Hj. Mohd. Isa  
**A** Ibu bapa  
**B** Guru Besar  
**C** Tukang kebun
  
4. Pak Mat dan Pak Itam sedang minum di dalam \_\_\_\_\_ itu.  
**A** hutan rimba  
**B** bilik darjah  
**C** kedai kopi
  
5. Murid hanya dibenarkan makan di \_\_\_\_\_.  
**A** bilik guru  
**B** makmal komputer  
**C** kantin sekolah
  
6. Murid yang ingin menyertai rombongan itu perlu mendapatkan keizinan daripada \_\_\_\_\_ mereka.  
**A** adik kakak  
**B** ibu bapa  
**C** datuk nenek
  
7. Puan Normah sentiasa berada dalam keadaan yang \_\_\_\_\_ semenjak ayahnya meninggal dunia.  
**A** sukacita  
**B** dukacita  
**C** sukarela

8. \_\_\_\_\_ Ikmal rosak setelah dia terlupa menanggalkannya ketika mandi.
- A Jam meja  
B Jam randik  
C Jam tangan
9. \_\_\_\_\_ bangunan itu berkonsepkan seni bina Islam.
- A Reka bentuk  
B Reka tinggi  
C Reka acuan
10. Beberapa orang \_\_\_\_\_ pejabat itu telah dinaikkan pangkat kerana perkhidmatan mereka yang cemerlang.
- A kakitangan  
B warganegara  
C jawatankuasa

### **6.1.20 KATA POLISEMI**

1. I Datin Balkis suka berbelanja besar.  
II Majlis pekahwinan Erni diadakan secara besar.  
III Besar rumahnya dua kali rumah saya.  
IV Aida suka bercakap besar.  
  
**A** I dan III sahaja  
**B** I, II, dan III sahaja  
**C** I, III, dan IV sahaja
  
2. I Pemuda itu menunjukkan jalan ke Batu Gajah.  
II Puteri mengucapkan selamat jalan kepada kawan-kawannya.  
III Mereka sedang mencari jalan yang terbaik untuk mengatasi masalah ini.  
IV Puan Ng pergi jalan di tepi pantai dengan anak-anaknya.  
  
**A** I dan II sahaja  
**B** I, II, dan III sahaja  
**C** II, III, dan IV sahaja
  
3. I Ibu menumbuk kacang tanah itu sehingga hancur.  
II Hati Puan Hasni hancur apabila mengenangkan sikap anaknya itu.  
III Pakaian yang dipakai oleh pengemis itu sudah hancur.  
IV Beberapa keping biskut di dalam itu sudah hancur.  
  
**A** I dan II sahaja  
**B** II dan III sahaja  
**C** I, II, dan IV sahaja
  
4. I Abang mengasah kasut kulitnya sehingga berkilat.  
II Pertandingan ini dapat mengasah bakat muid-murid dalam bidang muzik.  
III Ayah sedang mengasah mata pisau yang sudah tumpul itu.  
IV Pak Cik Jali mengasah daun-daun pokok di tepi rumahnya.  
  
**A** I dan II sahaja  
**B** II dan III sahaja  
**C** I, II, dan IV sahaja

- 5 I Azrul sedang tidur di dalam biliknya.  
II Air sungai di belakang rumahnya tidak dalam.  
III Kamu akan menerima keputusan ujian darah itu dalam masa seminggu.  
IV Jangan dalam perasaan mereka.
- A I, II, dan III sahaja  
B I, III, dan IV sahaja  
C II, III, dan IV sahaja
- 6 I Suasana di puncak bukit ini sangat baik.  
II Yusrina seorang budak yang baik.  
III Datuk sudah baik daripada demam.  
IV Hubungan Adi dan Nasir sangat baik.
- A I, II, dan III sahaja  
B I, II, dan IV sahaja  
C I, III, dan IV sahaja
7. I Bank ini menawarkan kadar faedah yang lebih rendah kepada pelanggannya.  
II Lawatan ini banyak memberikan faedah kepada para pelajar.  
III Kisah silam Perdana Menteri sangat faedah kepada kami.  
IV Kita harus membalsas banyak faedah kepada kami.
- A I dan II sahaja  
B I dan III sahaja  
C II dan IV sahaja
8. I Datuk memakai cermin mata untuk menjelaskan penglihatannya.  
II Benji sudah menjelaskan semua hutangnya kepada Encik Wong.  
III Cikgu Farhan menjelaskan satu per satu cara menyelesaikan masalah Matematik itu.  
IV Ayah dan abang sedang menjelaskan semak-samun di belakang rumah
- A I dan III sahaja  
B II dan III sahaja  
C I, II, dan IV sahaja

9. I Danial meniup belon itu sehingga kembung.  
II Bunga-bunga ini kembung pada waktu pagi.  
III Ikan kembung ini beli oleh ibu di pasar.  
IV Adik Anim menangis kerana perutnya kembung.
- A I dan III sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, III, dan IV sahaja
10. I Kabus tebal itu menyebabkan pandangannya kurang kesan.  
II Terdapat kesan cap jari pada cermin itu.  
III Kesan daripada pertelingkahan itu, mereka tidak bertegur sapa.  
IV Bencana alam itu meninggalkan kesan buruk kepada para petani.
- A I, II, dan III sahaja  
B I, III, dan IV sahaja  
C II, III, dan IV sahaja

### **6.1.21 KATA BANTU**

1. Kami dipuji oleh Guru Besar kerana \_\_\_\_\_ menjawab semua soalan kuiz sains itu.  
**A** dapat  
**B** akan  
**C** sedang
  
2. Azmi berasa kecewa kerana \_\_\_\_\_ menang dalam acara lari 200 meter..  
**A** telah pernah  
**B** harus telah  
**C** belum pernah
  
3. "Kamu \_\_\_\_\_ menghormati adat resam sesuatu kaum," tegas Cikgu Yaziz.  
**A** boleh  
**B** akan  
**C** mesti
  
4. Pihak bomba \_\_\_\_\_ berusaha untuk mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam kereta itu.  
**A** telah  
**B** sedang  
**C** hendak
  
5. Pokok sayur itu menjadi layu kerana Puan Hidayah \_\_\_\_\_ menyiramnya.  
**A** belum  
**B** telah  
**C** mesti
  
6. Hakim \_\_\_\_\_ membuktikan kepada ibu bapanya bahawa dia mampu lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan itu.  
**A** sedang  
**B** mahu  
**C** pernah
  
7. saya \_\_\_\_\_ tidur semasa kecurian itu berlaku.  
**A** akan  
**B** telah

**C** sedang

8. Majlis Hari Guru \_\_\_\_\_ disambut pada minggu depan.  
**A** belum  
**B** akan  
**C** sudah
9. Kamus Dewan itu \_\_\_\_\_ menjadi hadiah utama dalam pertandingan bercerita pada minggu depan.  
**A** akan  
**B** masih  
**C** pernah
10. Budak yang pandai itu pun \_\_\_\_\_ pasti dapat menjawab soalan ini.  
**A** mesti  
**B** belum  
**C** sedang  
**D** pernah

Baca berita di bawah. Jawab soalan yang berikutnya.

SHAH ALAM, Sabtu – Sederet rumah teres lima pintu di Jalan Makmur di sini hangus dalam satu kebakaran pada petang semalam.

Dua buah kereta bomba dari sini dan dari Pelabuhan Klang telah dikehjarkan ke tempat kejadian. Malangnya, laluan ke tempat kejadian itu begitu sempit dan menyukarkan kerja-kerja untuk memadamkan api. Api marak begitu cepat sehingga lima pintu rumah tersebut hangus sama sekali. Walau bagaimanapun, tiada sebarang kehilangan nyawa dilaporkan berlaku.

Penghuni rumah itu sempat menyelamatkan diri masing-masing. Namun begitu, segala harta benda mereka tidak sempat diselamatkan. Semua mangsa kebakaran itu menumpang di rumah saudara-mara dan jiran tetangga.

Sehingga kini, pasukan polis belum mengenal pasti punca sebenar kebakaran kerana siasatan masih lagi dijalankan. Kerugian pula **dianggarkan** sebanyak RM1 juta.

- 1 Bilakah kejadian kebakaran ini berlaku?  
**A** Pada hari Sabtu  
**B** Pada hari Jumaat  
**C** Pada petang Sabtu
  
- 2 Mengapakah pihak bomba menghadapi kesukaran untuk memadamkan api?  
**A** Kerana keadaan jalan raya yang sesak dengan kenderaan-kenderaan  
**B** Kerana laluan ke tempat kejadian begitu jauh  
**C** Kerana laluan ke tempat kejadian begitu sempit
  
- 3 Perkataan **dianggarkan** dalam petikan bermaksud.....  
**A** dikira secara kasar  
**B** dijumlah secara tepat  
**C** dihitung secara tepat
  
- 4 Apakah punca sebenar kebakaran tersebut?  
**A** Letusan yang kuat membakar rumah itu  
**B** Api yang marak begitu cepat  
**C** Belum diketahui puncanya
  
- 5 Pernyataan berikut adalah benar tentang berita di atas, **kecuali**  
**A** kebakaran yang berlaku itu telah memusnahkan lima buah rumah teres  
**B** beberapa penghuni rumah itu telah terkorban dalam kebakaran tersebut  
**C** pihak bomba dari Shah Alam yang bertungkus lumus memadamkan kebakaran itu

*Baca petikan laporan di bawah, kemudian jawab solan berikutnya.*

Laporan Perkhemahan Pengakap  
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Poi Lam  
Ipoh, Perak

Pada 28 Mac 2007 yang lalu, Persatuan Pengakap sekolah ini telah mengadakan perkhemahan di kawasan padang sekolah.

Perkhemahan ini berlangsung selama tiga hari dua malam. Tujuan perkhemahan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada anggota baharu tentang aktiviti perkhemahan dan mengeratkan lagi hubungan antara ahli lama dengan ahli baharu.

Pada hari pertama perkhemahan, semua ahli baharu diajar mendirikan khemah dengan kemas. Mereka juga diminta mempraktikkan semua jenis ikatan yang telah diajar dalam setiap aktiviti yang dilakukan.

Pada hari berikutnya, senamrobik diadakan pada awal pagi. Kemudian, satu pertandingan kawad antara kumpulan diadakan. Pada sebelah petang pula, anggota pengakap bergotong-royong memasak untuk menyediakan hidangan makan malam. Sebelum menjamu selera, setiap kumpulan mengadakan persempahan mengikut kreativiti masing-masing.

Keesokan harinya, selepas bersarapan, semua anggota berkemas untuk pulang. Selepas aktiviti pembersihan selesai, anggota pengakap berkumpul untuk mendengar ucapan penutup daripada guru penasihat dan pengurus perkhemahan. Sebelum program perkhemahan berakhir, acara penyampaian hadiah diadakan.

Aktiviti perkhemahan tamat pada kira-kira pukul 12:00 tengah hari. Secara keseluruhannya, program perkhemahan ini berjaya mencapai matlamatnya.

Laporan disediakan oleh,

4 April 2007.

***Cheah Chan Teak***

.....  
(Cheah Chan Teak)  
Setiausaha,  
Persatuan Pengakap SJKC Poi Lam,  
Ipoh, Perak.

- 1 Bilakah perkhemahan pengakap tersebut berakhir?

  - A 28 Mac 2007
  - B 30 Mac 2007
  - C 4 April 2007
- 2 Apakah tujuan perkhemahan ini diadakan?

  - A Untuk mengeratkan hubungan anggota-anggota baharu
  - B Untuk mengeratkan hubungan anggota baharu dengan anggota lama serta memberi pendedahan tentang aktiviti perkhemahan
  - C Untuk memberi pendedahan tentang aktiviti perkhemahan dan mempelajari semua jenis ikatan
- 3 Siapakah yang menulis laporan ini ?

  - A Pengerusi Persatuan Pengakap sekolah
  - B Ketua Persatuan Pengakap sekolah
  - C Setiausaha Persatuan Pengakap sekolah
- 4 Pada pendapat anda, apakah faedah yang kita peroleh apabila menyertai kegiatan kokurikulum?

  - A Mendidik kita menjadi pelajar berdisiplin dan berdikari
  - B Mendapat banyak hadiah dalam pertandingan yang diadakan
  - C Menonjolkan bakat kreativiti semasa persembahan berkumpulan
- 5 Antara berikut, yang manakah benar tentang petikan?

  - A Perkhemahan ini berlangsung selama tiga hari tiga malam
  - B Perkhemahan tersebut tamat pada jam 12.00 tengah hari 29 Mac 2007
  - C Aktiviti pembersihan, ucapan penutup dan penyampaian hadiah diadakan sebelum program perkhemahan bersurai

*Baca petikan syarahan di bawah, kemudian jawab soalan berikutnya.*

Yang saya hormati panel hakim yang arif, dif-dif jemputan, guru-guru dan seterusnya rakan-rakan yang saya kasih. Salam sejahtera saya ucapkan kepada semua.

Terbang Merpati di Tasik Chini ,  
Hinggap di dahan pohon tempuni;  
Hormat - menghormati amalan murni,  
Memupuk perpaduan hidup harmoni.

Puisi yang saya lafazkan sebentar tadi, berkait dengan tajuk syarahan saya pada pagi yang indah ini iaitu, "Amalan Murni Memupuk Perpaduan."

Hadirin yang saya muliakan,  
"Amalan Murni Memupuk Perpaduan" secara keseluruhannya membawa maksud sesuatu perlakuan yang diamalkan akhirnya menjadi satu kebiasaan.

Budaya bantu-membantu, hormat-menghormati dan ziarah-menziarahi haruslah dipraktikkan dalam segala aspek kehidupan, selaras dengan Rukun Negara yang kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan. Sikap toleransi dalam kalangan kaum amat penting untuk menjamin kemajuan dan perpaduan berterusan.Oleh itu, amalan ini haruslah seiringan janganlah dipisahkan.

Hadirin-hadirat yang saya hormati,  
Amalan mengadakan rumah terbuka yang menjadi tradisi masyarakat Malaysia setiap kali menyambut sesuatu perayaan merupakan amalan yang murni. Melalui amalan ini, kita dapat bersua muka, mengatur bicara, mengerat **silaturahim** agar menjadi satu adunan hidup yang perlu dikekalkan bukannya dilunturkan.

Sesungguhnya, kecemerlangan sesebuah negara bukan sahaja dilihat pada pembangunan fizikal semata-mata tetapi kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan akan muncul sekiranya kita menjadi satu bangsa yang mengamalkan amalan murni dan bersatu hati. Saya akhiri syarahan saya dengan ucapan terima kasih.

**1** Siapakah yang menyampaikan syarahan ini ?

- A** Guru kelas
- B** Guru besar
- C** Pelajar sekolah

**2** Apakah jenis puisi yang disampaikan dalam syarahan tersebut?

- A** Sajak
- B** Pantun
- C** Syair

- 3** Bilakah syarahan tersebut disampaikan?
- A** Pada sambutan Hari Guru  
**B** Dalam satu pertandingan syarahan  
**C** Pada sambutan Hari Kanak-kanak
- 4** Antara berikut yang manakah bukan amalan murni?
- A** Menghormati orang yang lebih tua daripada kita  
**B** Berkunjung ke rumah jiran semasa hari perayaan  
**C** Membantu orang yang memerlukan pertolongan jika diberi upah
- 5** Perkataan **silaturahim** dalam petikan bermaksud
- A** persamaan.  
**B** hubungan.  
**C** tolak ansur.

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan berikutnya.

Belakangan ini, masalah disiplin murid hangat dibicarakan. Murid-murid kini terlibat dalam pelbagai kesalahan seperti vandalisme, memukul guru, bergaduh dan ponteng sekolah. Perbuatan salah laku yang dilakukan oleh murid-murid sama ada di sekolah atau di luar sekolah sering dilaporkan dalam akhbar.

Masalah ini dapat diatasi jika semua pihak bekerjasama dan bertanggungjawab. Sewaktu di rumah, ibu bapa perlu memberi didikan agama yang secukupnya kepada anak-anak mereka selain kasih sayang. Hal ini menjadi penting kerana sebahagian besar masa murid-murid dihabiskan di rumah. Malah, ibu bapa hendaklah mengenali rakan-rakan anak mereka. Tindakan ini dapat mengelakkan anak mereka daripada **terpengaruh** oleh rakan-rakan yang buruk akhlaknya. Pengaruh rakan sebaya memang terbukti telah memainkan peranan yang besar dalam membentuk perangai dan akhlak seseorang remaja.

Justeru, tugas penguatkuasaan peraturan perlu dipikul oleh semua pihak. Lantaran, murid-murid digalakkan bergerak lebih aktif dalam aktiviti unit uniform, kelab atau persatuan. Kecenderungan ini dapat mengembangkan minat dan memupuk sahsiah mereka. Dalam pada itu, semua guru haruslah bekerjasama untuk mengatasi masalah ini agar beban ini tidak dipikul di atas bahu guru disiplin sahaja.

- 1 Berikut bukan merupakan salah laku murid-murid
  - A bergaduh
  - B vandalisme
  - C bergotong-royong
- 2 Mengapa ibu bapa perlu memberi didikan agama yang secukup kepada anak-anak ?
  - A supaya menjadi seorang ahli agama
  - B semua agama menyuruh umatnya berakhlik baik
  - C supaya mendapat markah agama yang cemerlang
- 3 Apakah kaitan rakan sebaya dengan masalah disiplin sekarang ?
  - A rakan sebaya boleh mengubah tingkah laku seseorang
  - B rakan sebaya boleh mewujudkan perasaan benci
  - C rakan sebaya merupakan teman yang setia
- 4 Kegiatan kurikulum dapat
  - A membentuk sahsiah dan mengatasi masalah disiplin murid
  - B menjadi murid yang cemerlang dalam akademik
  - C memupuk semangat kesukuan
- 5 Berdasarkan teks di atas, frasa **terpengaruh** bermaksud
  - A tergoda
  - B terikut
  - C terpedaya

*Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan berikutnya.*

**Isnin, 13 Mac 2007**

Tepat pukul 9:00 pagi, kami sampai di KLIA. Aku, Siva dan Lim menaiki pesawat ke Sandakan pukul 10:00 pagi. Selepas dua jam perjalanan, kami tiba di sana. Ketibaan kami disambut oleh Dayan dan bapanya. Kami berpelukan gembira kerana sudah setahun lamanya kami berpisah.

**Selasa, 14 Mac 2007**

Dayan membawa kami mandi di sungai berhampiran dengan rumahnya. Air sungai itu sungguh sejuk dan jernih. Airnya juga tidak tercemar. Aku dapat melihat ikan berenang-renang dengan galak. Selepas solat zuhur, kami dibawa ke dusun yang hanya sepuluh minit perjalanan dari situ. Terdapat pelbagai jenis buah. Siva makan dengan gelojoh.

**Rabu, 15 Mac, 2007**

Kami tidak sabar untuk masuk ke hutan. Ayah Dayan merupakan seorang pembuat herba tradisional yang terkenal. Kami tidak sabar untuk menjelajahi ke hutan hujan tropika. Malangnya, satu kejadian buruk berlaku. Dayan meraung kesakitan akibat disengat tebuan. Rancangan kami untuk melawat ke muzium pada sebelah petangnya terpaksa kami batalkan.

**Khamis, 16 Mac 2007**

**Berat hati** kami untuk meninggalkan sahabat dan keluarganya yang melayan kami dengan begitu baik . Entah bila-bila kami dapat bertemu lagi. Dayan berjanji akan mengunjungi kami di Kuala Lumpur pada cuti penggal yang akan datang. Kami tiba di KLIA pada pukul 12:00 tengah hari.

- 1 Pukul berapakah penulis dan rakan-rakannya tiba di Sabah?
  - A 11:30 pagi
  - B 12:00 tengah hari
  - C 10:00 pagi
- 2 Mengapa hasrat penulis untuk melawat ke muzium tidak kesampaian?
  - A Mengikut ayah Dayan ke hutan
  - B Seronok mandi-manda di sungai
  - C Dayan disengat tebuan
- 3 Bilakah penulis dan rakan-rakannya mandi di sungai ?
  - A 13 Mac 2007
  - B 14 Mac 2007
  - C 15 Mac 2007
- 4 **Berat hati** dalam petikan di atas bermaksud
  - A sedih
  - B kecewa
  - C gembira

- 5 Pada pendapat kamu, mengapa mereka berjalan kaki sahaja ke dusun?
- A Untuk menyihatkan badan
  - B Tiada kenderaan untuk ke sana
  - C Dusun itu berhampiran dengan rumah Dayan

Baca dialog di bawah dan jawab soalan berikut.

- Asraf : Apakah berita menarik yang kamu baca tu?
- Danial : Oh, tentang sambutan Hari Kebangsaan tidak lama lagi. Tentu meriah dengan berbagai-bagai acara yang akan diadakan.
- Asraf : Memang benar, di tempat kita ni pun akan diadakan pelbagai aktiviti yang di anjurkan oleh Dewan Bandaraya Ipoh.
- Danial : Abang saya akan menyertai pertandingan memancing di Kolam Pancing Gopeng. Hadiahnya amat **lumayan**. Semuanya bernilai RM15,000.00, sedangkan bayaran penyertaannya cuma RM 15.00.
- Asraf : Wah, tentu seronokkan! Bagi peserta yang tidak mendapat sebarang tangkapan pula, cabutan bertuah akan diadakan. Hadiah bonus untuk ikan pelik pun ada.
- Danial : Selain itu, ada pertandingan lukis poster di Dewan Besar Ipoh. Kalau kamu ingin meyertainya, bolehlah daftar sekarang. Saya rasa hadiahnya menarik, sebuah basikal BMX. Kamu cuma perlu bayar RM 5.00 sahaja.
- Asraf : Eh, saya setakat melukis kartun tu bolehlah!
- Danial : Jangan kuat sangat suara awak tu, nanti kita mengganggu rakan-rakan lain. Tengok tu, pengawas sedang menjeling kita.

- 1 Di manakah perbualan di atas berlaku ?  
A Kantin sekolah  
B Pusat Sumber  
C Di dalam kelas
- 2 Siapakah yang menganjurkan pertandingan pancing ?  
A Dewan Bandaraya Ipoh  
B Pihak sekolah  
C Urus setia pertandingan
- 3 Perkataan berlawan bagi **lumayan** dalam petikan ialah  
A berbaloi  
B rugi  
C sedikit
- 4 Jika Asraf ingin menyertai pertandingan pancing dan pertandingan lukis, berapa bayaran yang perlu dibuatnya?  
A RM 15.00  
B RM 5.00  
C RM 20.00
- 5 Pada pendapat kamu, pemenang pertandingan pancing akan dinilai melalui  
A mengikut jumlah ikan yang dipancing  
B mengikut berat ikan yang dipancing  
C mengikut masa yang diambil oleh setiap peserta

*Baca dan faham surat kiriman di bawah. Kemudian, jawab soalan yang dikemukakan.*

No. 9, Jalan Wira Jaya,  
Taman Ipoh Jaya Timur,  
31350 Ipoh.

14 Mac 2007

Menemui Saudari Zakiah yang berada di Taiping, Perak dengan harapan semoga sejahtera selalu.

Apa khabar saudari sekeluarga? Saya berharap agar saudari sihat di samping keluarga tercinta.

Saudari Zakiah yang saya ingati;

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kerana cerpen saudari yang berjudul 'Ibuku Sayang' telah tersiar dalam majalah "Karya Pelajar". Cerpen saudari itu benar-benar menyentuh perasaan saya. Kegigihan watak Mak Som membesarakan anak-anaknya begitu menyayat hati. Ketabahan Mak Som yang sanggup melakukan pelbagai pekerjaan untuk menyara keluarga merupakan pengorbanan yang tiada ternilai harganya. Saya menitiskan air mata tatkala membaca cerpen tersebut.

Dari dahulu lagi karya-karya saudari selalu tersiar dalam majalah sekolah. Saudari memang berbakat dalam dunia penulisan. Justeru, saudari selalu menjuarai pertandingan mencipta sajak dan mengarang cerpen anjuran sekolah dan juga daerah.

Saudari,

Setelah ketiadaan saudari, sekolah seperti kehilangan sebutir permata yang telah acapkali mengharumkan nama sekolah. Jika diturutkan hati tidak mahu berpisah rasanya. Namun, pertemuan dan perpisahan adalah lumrah dalam hidup insan.

Sampai di sini saja yang dapat saya coretkan buat saudari. Semoga berjaya dan saya berharap agar kita dapat berjumpa pada suatu hari nanti. Akhir kata, kirimkan salam saya buat keluarga saudari.

Sahabatmu,  
*Sari*

- 1 Apakah tujuan utama penulis menulis surat di atas?  
A Mendoakan semoga sahabatnya sihat.  
B Bertanyakan khabar kawannya itu.  
C Menyatakan harapan untuk kawannya itu.  
D Mengucapkan tahniah atas kejayaan rakannya itu.

- 2 Cerpen sahabat penulis yang tersiar dalam majaah “Karya Pelajar” bertemakan
  - A harapan
  - B kegembiraan
  - C keseronokan
  - D pengorbanan
- 3 Apakah hubungan antara penulis dengan Zakiah?
  - A rakan
  - B sepupu
  - C seteru
  - D musuh
- 4 Melalui surat tersebut, Zakiah merupakan seorang yang
  - A menyukai bidang teater
  - B aktif dalam kurikulum
  - C berpotensi dalam bidang penulisan
  - D berbakat dalam bidang kraftangan
- 5 Bagaimanakah penulis menerima perpisahan dengan Zakiah?
  - A menyesal
  - B reda
  - C kecewa
  - D sedih

## **Petikan 2 – Surat Kiriman Rasmi**

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung,  
Kampung Wangsa Maju,  
34600 Ipoh,  
PERAK DARUL RIDZUAN

---

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Ipoh,  
30400 Ipoh,  
PERAK DARUL RIDZUAN

10 JANUARI 2007

Tuan,

### Membina Balai Raya Baharu

Berhubung perkara di atas, saya mewakili semua penduduk kampung ingin memohon jasa baik daripada pihak tuan untuk membina sebuah balai raya baharu di kampung kami.

2. Hal ini demikian kerana balai yang berusia tujuh puluh tahun itu telah rosak akibat dipukul ribut pada pagi semalam. Tambahan pula, dinding-dinding balai raya itu sudah usang dan reput dimakan anai-anai. Bumbungnya juga sudah bocor di sana sini.
3. Keputusan **sebulat suara** untuk mengemukakan permohonan ini telah dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung pada minggu lepas.
4. Kami amat berharap agar permohonan kami mendapat **perhatian** yang sewajarnya dan diluluskan oleh pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,  
*Amin*

( HAJI AMIN BIN HAJI MUSA )  
Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung  
Kampung Wangsa Maju

- 1 Bilakah surat ini dihantar kepada Majlis Perbandaran Ipoh?
  - A Setelah menerima aduan daripada penduduk kampung
  - B Setelah dikerah oleh orang kampung
  - C Setelah balai raya itu berusia tujuh puluh tahun
  - D Setelah memperoleh persetujuan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
  
- 2 Frasa “keputusan **sebulat suara**” yang terdapat dalam petikan bermaksud
  - A keputusan yang dibuat oleh Ketua Kampung
  - B keputusan yang dipersetujui bersama
  - C keputusan yang dibuat oleh orang kampung
  - D keputusan yang bersungguh-sungguh
  
- 3 Pada pendapat kamu, apakah jawatan Tuan Haji Amin bin Haji Musa?
  - A Presiden
  - B Pengurus
  - C Bendahari
  - D Setiausaha
  
- 4 Perkataan perhatian dalam petikan bermakna
  - A pertimbangan
  - B teguran
  - C kritikan
  - D kebenaran
  
- 5 Manakah antara pernyataan-pernyataan berikut TIDAK BENAR ?
  - A Ribut telah melanda Kampung Wangsa Maju
  - B Mereka meminta sebuah balai raya baharu
  - C Balai raya itu telah “menyembah bumi”
  - D Haji Amin sudah berusia tujuh puluh tahun

### **Petikan 3 – Ucapan**

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Taman Ipoh, guru-guru, para ibu bapa dan rakan-rakan yang saya hormati. Jutaan terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang UPSR.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmatNya, saya memperoleh keputusan cemerlang dalam UPSR dan seterusnya membolehkan saya muncul sebagai pelajar terbaik. Akan tetapi, perlu diingatkan bahawa kejayaan akan hanya dapat dicapai dengan usaha yang gigih.

Tentu ramai yang tertanya-tanya rahsia kejayaan saya. Bagi saya penglibatan aktiviti secara total di kelas serta memberikan sepenuh tumpuan semasa guru mengajar merupakan resipi kejayaan saya.

Selain itu, pengurusan masa serta perancangan kerja juga amat penting. Kita juga patut mengamalkan disiplin diri yang tinggi. Dengan adanya jadual waktu belajar, kita dapat mengagihkan masa antara belajar dan bermain. Kita juga harus menetapkan matlamat hidup dan berusaha sedaya mungkin untuk mencapainya.

Saya sungguh bersyukur dan berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa serta guru-guru. Tanpa bimbingan mereka saya pasti tidak akan berjaya.

Selepas ini, saya berhasrat untuk meneruskan pengajian saya di Maktab Rendah Sains Mara dan terus mengatur langkah untuk merealisasikan cita-cita saya iaitu menjadi seorang angkasawan nanti.

Segala jasa dan ilmu yang dicurahkan oleh guru-guru tidak akan saya lupakan. Kepada semua, saya ucapkan selamat berjaya.

Sekian, terima kasih.

- 1 Siapakah penyampai ucapan itu ?
  - A Murid Cemerlang
  - B Guru Besar
  - C Yang Dipertua PIBG
  - D Ibu bapa
  
- 2 Bagaimanakah sikap murid cemerlang itu semasa berada di dalam kelas ?
  - A Selalu mengelamun
  - B Mengusik rakan-rakan
  - C Menyampuk ketika guru memberi penerangan
  - D Melibatkan diri secara aktif dan memberi tumpuan semasa guru mengajar
  
- 3 Antara berikut, yang manakah bukan merupakan sikap murid cemerlang tersebut?
  - A rajin
  - B berdisiplin
  - C kedekut
  - D angkuh
  
- 4 Bilakah ucapan ini disampaikan?
  - A Hari Guru
  - B Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang UPSR
  - C Sambutan Maulidur Rasul
  - D Sukan Tahunan Sekolah
  
- 5 Apakah rancangan penyampai ucapan ini selanjutnya?
  - A berhenti belajar kerana sudah pandai
  - B mencari kerja bagi membantu keluarga
  - C berubah sikap kepada seorang yang angkuh
  - D melanjutkan pelajaran di sekolah berasrama penuh.

## **JAWAPAN**

### **Petikan**

Surat Kiriman Tak Rasmi

1 D            2 D            3 A            4 C            5 B

Surat Kiriman Rasmi

1 D            2 B            3 D            4 A            5 D

Ucapan

1 A            2 D            3 D            4 B            5 D